



KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR	SUBJEK	TARIKH
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA <input type="checkbox"/> HARIAN METRO <input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES <input type="checkbox"/> THE STAR	<input checked="" type="checkbox"/> KAHWIN & CERAI <input type="checkbox"/> TUNTUTAN <input type="checkbox"/> AKIDAH <input type="checkbox"/> JENAYAH SYARIAH <input type="checkbox"/> PELBAGAI	03/09/2023
METRO AHAD	CATATAN	

LAFAZ TAKLIK KERAJAAN JATUH

RUJUKLAH MAHKAMAH!

Oleh Sudirman Mohd
Tahir
sudirman@hme-
tro.com.my

Kuala Lumpur

Jangan nafi jika benar kerana Allah tahu yang sebenar. Mungkin lepas dunia tetapi tidak lepas akhirat."

Demikian kata Pensyarah Fiqh Fatwa Kontemporeri Pusat Kajian Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Madya Datuk Dr Mohd Izhar Ariff susulan tindakan seorang individu yang diadu membuat lafaz taklik dengan menceraikan isteri talak tiga jika Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Kerajaan Perpaduan masih bertahan hingga Ogos.

Mohd Izhar berkata, akan berlaku isu lebih besar sekiranya pasangan terbabit masih tinggal bersama.

"Kalau tak pergi rujuk mahkamah sedangkan talak tiga telah berlaku

lak telah jatuh tiga dan mereka tahu hal itu, maka akan ada isu besar jika berlaku persetubuhan sedangkan talak tiga telah berlaku.

"Nasihat saya, rujuk mahkamah segera jika benar suami menulis perkara ini," katanya.

Mohd Izhar juga mensyarihi umat Islam di negara ini tidak menggunakan atau mempermudahkan lafaz taklik.

"Nasihat saya, anda nak berpolitik silakan tapi jangan sampai babitkan talak dalam isu ini."

"Kalau tak pergi rujuk mahkamah sedangkan talak telah jatuh dan mereka tahu hal itu, maka akan ada isu besar jika berlaku persetubuhan sedangkan talak tiga telah berlaku"

"Kepada golongan suami, tolonglah pergi belajar fikah di masjid atau surau. Jangan malas. Bila malas inilah jawabnya. Gunakan otak sebelum bertindak atau bercakap," katanya.

Menurutnya, jatuh talak taklik jika apa yang disandarkan itu berlaku.

"Jawapan dari sudut fikah, jatuh talak taklik (talak tiga) ini jika apa yang disandarkan itu berlaku. Contoh, Perdana Menteri masih mentadbir pada bulan September 2023.

"Talak taklik tidak boleh ditarik balik. Pasangan wajib merujuk mahkamah syariah. Tiga perkara jangan dibuat main iaitu murtad, talak dan merdekaikan hamba," katanya.

Terdahulu, tular tangkapan layar seorang pengguna akaun Facebook mengatakan jatuh talak tiga jika Anwar Ibrahim dan kerajaan perpaduan masih utuh hingga Ogos hingga menjadi perdebatan ramai sehingga individu terbabit tampil membuat laporan polis.